

13 JUL 1999

Parlimen-Pelabur

MITI LULUS PELABURAN ASING BERNILAI RM25 BILION

KUALA LUMPUR, 13 Julai (Bernama) -- Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah meluluskan 1,008 projek perkilangan yang melibatkan pelaburan asing sebanyak RM25.35 bilion bagi tempoh Julai 1997 hingga Mei lepas (1999), kata Timbalan Menterinya Datuk Kerk Choo Teng.

Menurut beliau, pelaburan asing yang diluluskan itu tertumpu kepada industri barangan elektrik, petroleum, kimia, logam dan tekstil.

Negeri yang paling banyak menerima pelaburan asing itu ialah Johor sebanyak RM6.6 bilion, diikuti Pulau Pinang (RM6.2 bilion), Terengganu (RM2.73 bilion), Pahang (RM2.66 bilion), Selangor (RM2.56 bilion) dan Negeri Sembilan (RM1.26 bilion), katanya ketika menjawab soalan Hoo Seong Chang (BN-Kluang) di Dewan Rakyat hari ini.

Menurut beliau sejak sistem kawalan modal terpilih dilaksanakan pada 1 Sept 1998, pengaliran masuk pelaburan asing ke sektor perkilangan sehingga Mei lepas berjumlah RM12.2 bilion dengan RM5.71 bilion atau 46.8 peratus adalah dalam sektor elektronik dan elektrik.

Mengenai misi perdagangan ke luar negara, beliau berkata MITI akan mengadakan lapan misi tahun ini antaranya ke Amerika Syarikat, Jepun, Belgium, Jerman, China, United Kingdom dan Australia.

Menjawab soalan tambahan Hoo, Kerk berkata kegawatan ekonomi tidak menjejaskan keyakinan pelabur asing melabur terhadap negara ini.

Sementara itu, Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri Datuk Othman Abdul ketika menjawab soalan tambahan Datuk Sukri Mohamed (BN-Machang) menafikan dakwaan PAS bahawa kerajaan mengarahkan Badan Pencegah Rasuah (BPR) menyiasat pemimpin-pemimpin PAS.

"Kerajaan tidak akan gunakan BPR untuk menjatuhkan mana-mana pemimpin sebab BPR perlu siasat dengan bukti yang jelas sebelum tindakan boleh diambil," katanya.

Beliau berharap pemimpin parti pembangkang akan menghormati kedudukan BPR sebagai badan bebas yang membuat pendakwaan hanya berasaskan siasatan mendalam terhadap sesuatu kes yang dilakukan.

Menjawab soalan tambahan Lim Kit Siang (DAP-Tanjong), beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak pernah campurtangan dalam sebarang siasatan yang dijalankan oleh BPR.

Lim sebelum itu meminta BPR menyiasat dengan adil laporan polis yang dibuat terhadap seorang anggota Kabinet berhubung penyelewengan dalam peruntukan saham.

-- BERNAMA

NZ PR